



# PARLIMEN MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2018**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**


**HARI ISNIN : 26 MAC 2018**

THE UNIVERSITY OF CHICAGO  
LIBRARY  
540 EAST 57TH STREET  
CHICAGO, ILLINOIS 60637  
TEL: 773-936-3000  
WWW.CHICAGO.EDU

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO.6, NO.8, NO.10, NO.12 HINGGA NO.61 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**

**TARIKH** : **26 MAC 2018 (ISNIN)**

**SOALAN** : **6**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kedudukan terkini dan butir terperinci cadangan pembinaan Lapangan terbang baru di negeri Perak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Satu Kajian Kebolehlaksanaan Berhubung Cadangan Pembangunan Gerbang Perindustrian Cempaka Sari (GPCS) oleh Kerajaan Negeri Perak yang melibatkan cadangan pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Perak telah dimuktamadkan. Sehubungan itu, Kerajaan sedang meneliti hasil kajian tersebut dan akan membuat keputusan sewajarnya.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU**  
**TARIKH : 26.03.2018**  
**SOALAN : NO. 8**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah mahasiswa yang mengikuti kursus di Asian Institute Medical, Science and Technology (AIMST) University mengikut kaum. Berapakah dari kalangan mereka itu diberi tawaran biasiswa Kerajaan mengikut kaum.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, AIMST University merupakan sebuah universiti swasta yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan mula beroperasi pada 15 Mac 2001. Antara kursus yang ditawarkan termasuk sains kesihatan, kejururawatan, teknologi komputer, sains gunaan, perniagaan dan perakaunan. AIMST University juga telah dianugerahkan pengiktirafan penarafan tempat kedua terbaik D-SETARA selepas Universiti Malaya (UM), dalam bidang sains kesihatan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Sebagai sebuah institusi swasta yang menyediakan pelbagai bidang yang memenuhi permintaan orang ramai, penawaran bidang-bidang tersebut telah melalui pelbagai proses penilaian dan pemantauan yang ketat sebagaimana institusi pendidikan tinggi (IPT) yang lain. Ia termasuklah dari badan-badan pengawalseliaan yang lain seperti MQA, Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Lembaga Jururawat Malaysia (LJM), Majlis Pergigian Malaysia (MPM) dan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM).

Pada sesi akademik 2017/2018, seramai 3,086 pelajar aktif sedang mengikuti pelbagai program di institusi tersebut iaitu seramai 1,927 pelajar Cina, 957 pelajar India, 104 pelajar bumiputera dan bakinya termasuk Serani, Punjabi dan pelajar antarabangsa. Sehingga kini, institusi tersebut telah melahirkan seramai 4,439 orang graduat dalam pelbagai bidang dan ada di kalangan mereka berkhidmat dalam pelbagai sektor kesihatan di hospital awam dan swasta terkemuka negara.

Bagi pembiayaan biasiswa pula, seramai 37 pelajar telah ditawarkan penajaan iaitu 23 orang pelajar kaum Cina, 12 orang kaum India dan 2 orang Melayu. Penajaan mengikut pecahan pembiayaan pula menunjukkan majoritinya menerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu seramai 17 orang, diikuti 10 orang di bawah tajaan Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah, 9 orang di bawah program MyBrain15 KPT dan seorang di bawah tajaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

AIMST University sepertimana IPTS lain turut menyediakan pelbagai jenis bantuan pembiayaan kewangan kepada pelajar antaranya termasuklah dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), pelbagai tajaan pusat perubatan swasta dan yayasan-yayasan berkaitan contohnya Yayasan Kuok dan Maju Institute of Educational Development (MIED).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ BACHOK ]**

**TARIKH : 26.3.2018 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [ Bachok ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sejauh mana langkah keselamatan sekolah dipertingkatkan, termasuk bahaya penggunaan jentera dan racun di kawasan sekolah.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak berkompromi terhadap keselamatan murid. Pihak kontraktor sering diingatkan supaya mematuhi syarat dan prosedur tertentu sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja penyelenggaraan dibuat bagi menjamin keselamatan murid. Sehubungan itu, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.4/2002: Pelaksanaan Program Sekolah Selamat yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran sekolah agar warga sesebuah sekolah itu merasa selamat untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta menjalankan kegiatan kokurikulum tanpa gangguan dari mana-mana pihak sama ada dari luar mahu pun dari dalam.



Bagi kontrak Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK), kontraktor KBK telah disarankan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan yang perlu dan bersesuaian seperti meletakkan tanda amaran ketika kerja-kerja pembersihan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan di premis sekolah. Kontraktor juga perlu memastikan supaya peralatan atau alat kelengkapan Perkhidmatan berfungsi dan disenggara dengan baik, bersih, kemas, teratur atau tersusun pada setiap masa, mengikut mana yang berkenaan.

Kontraktor juga perlu memastikan spesifikasi bahan-bahan pencuci yang digunakan dalam perkhidmatan KBK mematuhi arahan dalam dalam borang tender iaitu:

1. Bahan pencuci yang bersifat terbiodegrasi (*biodegradable*) yang mempunyai pengiktirafan MyHijau Mark atau label hijau seperti SIRIM Ekolabel.
2. Bahan yang selamat, sesuai untuk digunakan dan mesra alam.
3. Pewangi tandas digalakkan menggunakan bahan berasaskan semula jadi.

Selain daripada itu, setiap warga sekolah mestilah mempunyai kesedaran tentang keselamatan dan diterjemahkan melalui sikap dan tingkahlaku sensitif, prihatin dan tanggungjawab profesional untuk menjamin suasana pembelajaran dapat berjalan dengan baik.